




WAWASAN BRUNEI 2035 **WAWASAN NEGARAKU**

Buku Bacaan
Peringkat Rendah



Terbitan
Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035
Jabatan Perdana Menteri

Dengan Kerjasama
Jabatan Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan

Negara Brunei Darussalam

**PETIKAN TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM SEMPENA MENYAMBUT AWAL
TAHUN BARU MASIHI 2018.**

"Dari tahun ke tahun, kita adalah semakin hampir kepada tempoh sasaran bagi Wawasan 2035. Tempoh itu semakin ia menghampiri kita, maka semakin besarlah tanggungjawab untuk kita memastikan bahawa, langkah kita tidaklah ke mana-mana, melainkan hanya terarah kepada sasaran sahaja, sehingga tercapainya matlamat 'Brunei Maju'."

WAWASAN BRUNEI 2035

Negara Brunei Darussalam, negara kita yang tercinta. Rakyat dan penduduknya terdiri daripada tujuh puak jati Brunei dan lain-lain bangsa. Kita hidup bersatu padu menjadikan negara kita sebuah negara yang aman makmur dan harmoni. Sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kita hendaklah sentiasa bersyukur dengan kesejahteraan yang dinikmati di negara ini.





Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1984. Sejak itu, negara kita semakin pesat membangun terutama dalam bidang pendidikan, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi negara. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan pelbagai perancangan dalam memastikan kehidupan rakyat terjamin dan sejahtera.





Bagi memastikan masa depan negara terjamin, Wawasan Brunei 2035 telah diperkenalkan.

Wawasan Brunei 2035 adalah cita-cita dan harapan negara menjelang tahun 2035 untuk menjadikan:

1. Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.
2. Kehidupan yang berkualiti tinggi.
3. Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.


Sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita bertanggungjawab untuk mencapai wawasan ini.

Wawasan negara yang dikenali sebagai Wawasan Brunei 2035 adalah aspirasi negara menjelang tahun 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia sebagai salah sebuah negara yang maju dalam pendidikan, kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi dan ekonomi yang kukuh.

Wawasan Diri Sendiri

Bermaksud pandangan jauh yang berkaitan dengan perkembangan masa depan bagi mencapai cita-cita atau matlamat.





MATLAMAT 1: RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN, BERKEMAHIRAN TINGGI DAN BERJAYA

Rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya dapat memajukan sesebuah negara. Sebagai murid, kita perlu bersedia untuk menjadi generasi yang berilmu pengetahuan agar negara yang kita cintai akan terus maju dan sejahtera.

Kita perlu memahami tanggungjawab sebagai seorang murid dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035 dan mengetahui pentingnya belia menjadi Generasi Berwawasan.





Tanggungjawab Murid

Setiap murid hendaklah memiliki akhlak mulia seperti menghormati ibu bapa, suka menolong orang lain, rajin berusaha menuntut ilmu pengetahuan dan sebagainya. Murid-murid yang mempunyai sifat-sifat mulia seperti ini akan dapat membentuk masa depan dirinya, keluarga, masyarakat, agama dan negara.



Generasi Berwawasan

Generasi adalah pewaris bangsa yang akan mewarisi tanggungjawab untuk memastikan kemajuan negara.

Generasi Berwawasan merupakan generasi pewaris masa depan Negara Brunei Darussalam yang mempunyai semangat dan cita-cita untuk memajukan diri, mempertahankan kesucian ugama Islam, mengekalkan perpaduan bangsa dan meningkatkan pembangunan negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.



Kemajuan dalam Pelbagai Bidang

Generasi sekarang perlu mengubah minda dan perlu berdikari agar sama-sama dapat membantu negara menangani cabaran masa kini.

Negara memerlukan generasi yang berjaya dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, kesenian, sukan, keusahawanan, pertanian, teknologi maklumat dan sebagainya.

Insya-Allah dengan mempunyai generasi yang berjaya dalam pelbagai bidang ini akan membolehkan negara terus berkembang maju.



MATLAMAT 2: KEHIDUPAN RAKYAT YANG BERKUALITI TINGGI

Alhamdulillah, pada masa ini rakyat Negara Brunei Darussalam menikmati kehidupan yang berkualiti seperti dalam bidang kesihatan, keselamatan dan sebagainya. Negara mengharapkan kita agar sentiasa mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi. Antara cara yang boleh kita lakukan ialah:



Mengamalkan Cara Hidup Yang Sihat

Kesihatan adalah faktor utama dalam kehidupan. Amalan hidup yang sihat melibatkan pengambilan makanan yang seimbang dan sentiasa aktif melakukan kegiatan fizikal seperti bersukan dan beriadah. Masyarakat yang sihat boleh menyumbang kepada kejayaan pembangunan negara.




Mengekalkan Persekitaran yang Hijau

Syukur Alhamdulillah, kita dapat menikmati udara yang segar dan air yang bersih kerana negara kita sentiasa mengekalkan kepentingan penjagaan alam sekitar. Aktiviti-aktiviti seperti pembuangan sampah di merata tempat, penebangan pokok yang tidak terkawal dan pembakaran terbuka boleh mengakibatkan kesan buruk kepada kehidupan manusia, tumbuhan dan haiwan. Kita perlu menjaga alam sekitar yang hijau agar dapat dinikmati oleh generasi yang akan datang.




Hidup Harmoni

Keharmonian hidup merupakan asas kesejahteraan sesebuah negara. Amalan hidup harmoni boleh dilakukan dengan menghormati orang tua, menziarahi orang sakit, mengenal dan menghormati jiran tetangga, menghadiri majlis-majlis keluarga, menghormati adat dan budaya bangsa-bangsa lain, menyertai sambutan hari-hari kebesaran negara dan sebagainya.



Keharmonian hidup boleh mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui sikap bekerjasama, tolong-menolong, tegur-menegur, saling menasihati, bergotong-royong dan sebagainya. Dengan wujudnya perpaduan akan dapat mengukuhkan keharmonian hidup, berkeluarga, bermasyarakat, beragama dan bernegara.





Selain itu, kita juga perlu mempunyai sikap prihatin terhadap mereka yang kurang bernasib baik seperti membantu anak-anak yatim, fakir miskin, orang berkelainan upaya dan sebagainya. Amalan bantu-membantu dapat mengeratkan *silaturrahim* dalam keluarga, jiran dan masyarakat agar kehidupan sentiasa aman dan harmoni.



Membantu Menjaga Keselamatan

Kita hendaklah bekerjasama dalam menjaga keselamatan diri, persekitaran dan keselamatan negara dengan mematuhi semua peraturan dan undang-undang di negara ini.

Setiap individu bertanggungjawab dalam mengawasi persekitaran rumah, sekolah dan kampung. Kita juga perlu menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan kesejahteraan hidup, menjejaskan pembangunan dan keselamatan negara seperti mencuri, menyalahgunakan dadah, memberi dan menerima rasuah, merosakkan harta benda dan sebagainya.



MATLAMAT 3: EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Ekonomi merupakan aspek penting dalam pembangunan negara. Negara kita sedang berusaha dalam mempelbagaikan hasil pendapatan negara seperti meningkatkan hasil pertanian, perindustrian, keusahawanan dan lain-lain. Ini dapat menambah pendapatan negara selain daripada bergantung kepada hasil pengeluaran minyak dan gas.



Amalan-Amalan yang dapat Membantu Meningkatkan Ekonomi Negara

Kita hendaklah sama-sama membantu meningkatkan ekonomi negara. Antara amalan-amalan yang boleh dilakukan ialah dengan meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran hidup yang boleh memajukan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.



Di samping itu, amalan berjimat cermat juga adalah sikap yang baik dan harus diamalkan sejak kecil lagi. Menyimpan wang dan membeli barang secara berhemah adalah penting dalam membina asas pengurusan celik kewangan yang terjamin dan selamat.

Kita harus menjauhi sikap boros kerana ianya boleh menambah beban dan mengakibatkan masalah kewangan seperti berhutang dan sebagainya. Kita boleh membantu meningkatkan ekonomi negara dengan mengutamakan pembelian barang tempatan. Cara ini boleh membantu memajukan industri tempatan.



BERSAMA MENJAYAKAN WAWASAN BRUNEI 2035




Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam mengamalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai falsafah dan pegangan hidup seharian. Kita hendaklah bertanggungjawab dalam menanai, mendukung, menghayati dan mengamalkan falsafah MIB ini sebagai cara hidup bermasyarakat, berbangsa, beragama dan bernegara serta mengekalkannya selama-lamanya.

Dalam apa jua usaha ke arah pembangunan dan kemajuan negara, syiar Islam tetap menjadi panduan. Sebagai seorang Islam, kita perlu taat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala laranganNya.

Bagi memastikan Negara Brunei Darussalam terus maju dan moden menjelang tahun 2035, setiap rakyat perlu memahami tugas dan tanggungjawab dalam membangunkan negara tanpa mengabaikan nilai-nilai MIB dan sentiasa taat kepada raja. Kita perlu menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama melaksanakan tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam mencapai kejayaan Wawasan Brunei 2035.



GLOSARI

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Aspirasi	Keinginan yang kuat atau cita-cita
Aktif	Cergas, bertenaga
Alam sekitar	Persekitaran
Berdaya tahan	Dapat bertahan daripada segala pengaruh negatif
Bersiap siaga	Bersedia
Berkemahiran tinggi	Mempunyai kemahiran atau kepandaian yang tinggi
Berhemah	Berjimat dalam membelanjakan wang
Boros	Suka membelanjakan wang berlebihan
Beban	Susah, menyusahkan diri sendiri
Beriadah	Bersenam atau berekreasi
Berkualiti tinggi	Mempunyai kualiti yang tinggi
Bergotong-royong	Tolong-menolong, bekerjasama
Celik kewangan	Ilmu pengetahuan dalam pengurusan kewangan
Dinamik	Bergerak maju
Ekonomi	Sistem pengendalian sumber kewangan sesebuah negara
Faktor	Perkara
Falsafah	Pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain
Fakir	Sangat miskin

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Generasi	Kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama
Generasi berwawasan	Generasi pewaris masa depan bagi sesebuah negara
Harmoni	Aman damai
Hasrat	Azam atau keinginan yang kuat
Individu	Seorang
Kualiti kehidupan	Kehidupan yang mempunyai mutu atau kecemerlangan yang tinggi
Kesejahteraan	Keselamatan dan ketenteraman
Kemerdekaan	Kebebasan
Keusahawanan	Perusahaan yang berkaitan dengan perniagaan
Kemahiran	Kecekapan, kepandaian
Modal insan	Seorang yang menjadi contoh atau 'role model' dalam masyarakat
Matlamat	Sesuatu yang hendak dicapai, tujuan
Menjelang	Hampir
Menyumbang	Memberikan sesuatu sebagai sokongan atau bantuan
Menjejaskan	Merosakkan, mendatangkan kesan yang tidak baik
Mempelbagaikan	Menjadikan berbagai-bagai jenis
Masyarakat	Kumpulan manusia yang hidup bersama
Makmur	Hidup mewah

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Menziarahi	Mengunjungi, melawat
Menghayati	Merasai atau meresap ke dalam hati dan jiwa
Nilai-nilai	Sifat-sifat baik
Orang berkelainan upaya	Orang kurang upaya
Pesat membangun	Membangun dengan cepat sehingga menjadi sebuah bandar yang maju
Puak jati Brunei	Kelompok, golongan, kumpulan orang yang berasal dari Negara Brunei Darussalam
Pandangan jauh	Melihat ke masa hadapan
Perpaduan bangsa	Penyatuan kumpulan manusia
Pembangunan negara	Kemajuan dan perkembangan sebuah negara
Pembakaran terbuka	Pembakaran yang dilakukan di luar kawasan bangunan / perhutanan secara tidak terkawal
Perpaduan	Persefahaman
Perindustrian	Kegiatan ekonomi
Perusahaan	Pekerjaan atau kegiatan yang dilakukan secara besar-besaran untuk menghasilkan barangan
Pegangan	Pendirian
Peranan	Tugas yang dipegang

Kata/Frasa	Makna/Maksud
Rasuah	Menyogok atau menyuap wang / barang
Sikap prihatin	Mengambil berat terhadap sesuatu perkara
Silaturrahim	Hubungan persaudaraan (kekeluargaan, persahabatan)
Semangat	Kemahuan untuk melakukan sesuatu
Syiar	Ajaran
Taraf kehidupan	Mutu kehidupan
Taraf	Tinggi rendah nilai sesuatu
Terjamin	Tertanggung, terjaga
Undang-undang	Suatu peraturan yang dibuat oleh kerajaan
Wawasan	Pandangan jauh, matlamat sesebuah negara



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada:

**Bahagian Media dan Kabinet
Jabatan Perdana Menteri**

**Ahli Jawatankuasa Kerja Buku Bacaan Wawasan Brunei 2035
Jabatan Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan**

Pengerusi Bersama

Yang Mulia Awang Haji Zulkifli bin Haji Md Yusuf
Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia Dayang Hajah Badriah binti Haji Saidin
Pemangku Penolong Pengarah / Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan

Yang Mulia Awang Haji Md Yusof bin Haji Tengah
Pemangku Penolong Pengarah / Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan

Penolong Pengerusi Bersama

Yang Mulia Dayang Hajah Nooraini binti
Haji Jumat
Ketua Unit Melayu Islam Beraja

Yang Mulia Awang Haji Halidi bin Haji
Kula
Ketua Unit Bahasa dan Kesusasteraan
Melayu

Setiausaha Bersama

Yang Mulia Pengiran Abu Bakar Sani bin
Pengiran Haji Yassin
Unit Melayu Islam Beraja

Yang Mulia Dayang Hajah Aidah binti Haji
Tengah
Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Yang Mulia Awang Mohd Norsham bin
Haji Abd Ghani
Unit Pendidikan Islam dan Bahasa Arab

Ahli-Ahli

Yang Mulia Dayang Hajah Ardiah binti Haji
Tarsat
Unit Melayu Islam Beraja

Yang Mulia Dayangku Norzainah binti
Pengiran Mohd Daud
Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Yang Mulia Dayang Nurul Hafizah binti
Mohd Othman
Unit Bahasa dan Kesusasteraan Melayu

Yang Mulia Dayang Siti Salwa Syarfa' binti
Haji Dahlan
Unit Penerbitan

Dan juga kepada semua individu yang telah sama-sama menyumbang tenaga serta buah fikiran bagi menjayakan penerbitan buku ini.



